

## Penerbitan PELITA BRUNEI tiga kali seminggu



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

Majlis pelancaran penerbitan PELITA BRUNEI Edisi Isnin telah di lancarkan pada 18 Julai bertempat di Jabatan Percetakan Kerajaan.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned.

Dalam ucapan alu-aluan Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyatakan bahawa inisiatif penerbitan tiga kali seminggu ini merupakan salah satu strategi bagi memastikan Jabatan Penerangan dapat memainkan peranannya

sebagai penyebar maklumat kerajaan kepada orang ramai bukan saja di negara ini, malah di mana pun mereka berada.

Dengan penerbitan Edisi Isnin, Jabatan Penerangan berharap Akhbar PELITA BRUNEI akan lebih relevan dan mempunyai kewibawaan daya saing dalam dunia perkembangan IT dan penggunaan media baru atau moden.

Jabatan Penerangan juga akan terus berusaha meningkatkan lagi kualiti dari segi perisian dan reka letak setiap edisi, serta akan tetap menjaga kepentingannya sebagai wahana penyampai maklumat dan ilmu kepada orang ramai.



Tetamu Kehormat Majlis Pelancaran Penerbitan PELITA BRUNEI Edisi Isnin, Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan sebahagian daripada jemputan yang hadir.

**Sidang Redaksi**

**Penasihat**

Dr Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong  
Hajah Noorashidah Haji Aliomar

**Ketua Pengarang**

Sastra Sarini Haji Julaini  
Haji Dayang Haji Kasim

**Ahli Sidang Pengarang**

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aidah Hidop  
Hajah Apsah Haji Sahdan

**Penyumbang Berita**

Mohd. Nizam Abdullah  
Hajah Norpisah Md Salleh  
Nur Amalina Jennifer Abdullah Mok  
Haji Mahmud Hafidzie Haji Masood  
Ismalee Haji Abdul Rahman  
Faridah Haji Kaderi  
Fa'ezah Hayati Haji Abd. Rahman  
Norainah Ibrahim  
Asnah Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

**Penyemak**

Hajah Norpisah Md Salleh

**Penyelaras Online**

Haji Ariffin Mohd Noor

**Fotografi**

Bahagian Fotografi  
&  
Audio Visual  
Bahagian Perkhidmatan Media  
&  
Perhubungan Awam  
Bahagian Berita Inggeris

**Reka Letak**

Hajah Apsah Haji Sahdan

# Sekapur Sirih

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera*

Seperi yang kita semua maklumi bulan Julai merupakan bulan yang bersejarah bagi negara ini khasnya dan bagi semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini umumnya. Bulan ini khususnya pada tarikh keramat 15 Julai 2010 merupakan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64. Pelbagai persiapan bagi aktiviti menyambut hari bersejarah tersebut telah disediakan, termasuk Jabatan Penerangan yang juga tidak kurang sibuknya.

Antara lain aktiviti yang mengambil tempat di Jabatan Penerangan ialah pengagihan pas-pas akreditasi media bagi pengamal-pengamal media yang akan membuat liputan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-64 tahun. Tahun ini sahaja seramai 431 orang pengamal media telah mendaftar bagi pas media berkenaan. Di samping itu, aktiviti lain yang juga mengambil tempat ialah Majlis Penyerahan Poster Majlis Ilmu yang juga diadakan dengan disempenakan sambutan Hari Keputeraan pada tahun ini.

Satu lagi sejarah ditempah oleh Jabatan Penerangan apabila Akhbar Rasmi Kerajaan, Pelita Brunei telah ditambah kekerapan keluarannya menjadi tiga kali seminggu. Tarikh keramat Pelancaran Penerbitan Pelita Brunei Edisi Isnin jelas menunjukkan bahawa komitmen Jabatan Penerangan adalah semakin mencabar dan bertambah sejajar dengan perkembangan dan peredaran era globalisasi yang tiada sempadan. Ia juga menunjukkan bahawa akhbar Pelita Brunei masih tetap relevan dalam dunia pemberitaan waimapun era digital sudah menular.

Disamping itu, Pentaramayang juga merupakan produk Jabatan Penerangan, turut menyumbang dalam memberigakan hiburan berunsurkan pendidikan ke seluruh pelusuk tanah air di keempat-empat daerah disempenakan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan pada tahun 2010 ini.

Di arena antarabangsa, Jabatan Penerangan juga terus komited apabila menerima kunjungan delegasi Pegawai Penerangan Malaysia dan Thailand di bawah Memorandum Persefahaman Di Bidang Penerangan. Melalui forum berkenaan, Jabatan Penerangan jelas telah berupaya bertukar-tukar pemikiran dan pandangan mengenai dunia penerangan dan kerjasama dalam bidang yang seumpamanya.

Melalui komitmen sedemikian padu, Jabatan Penerangan akan tetap terus memainkan peranannya sebagai 'lidah', 'telinga' dan 'mata' kerajaan dan menjulang dan memprojek imej kerajaan yang pemedulian, prihatin dan adil lagi bijaksana.

DR. MUHAMMAD HADI MUHAMMAD MELAYONG  
Pengaroh Penerangan

**Isi Kandungan**

- Penerbitan PELITA BRUNEI tiga kali seminggu	1
- Majlis Penyerahan Poster Hari Belia Kebangsaan sempena sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-5	
- Majlis Penyerahan Poster Majlis Ilmu 2010	3
- Persembahan Pentarama sempena Hari Keputeraan di Daerah Brunei Muara	
- Pentarama di Daerah Belait	4
- Pentarama di Daerah Temburong	
- Pentarama di Daerah Tutong	
- Penyerahan Pas Media Hari Keputeraan	5
- Pegawai Penerangan Malaysia dan Thailand berkunjung ke Jabatan Penerangan	6
- Pegawai Penghubung Media (MRO) yang bertugas pada bulan Julai	
- Pegawai Menghadiri Persidangan	
- Selamat Hari Lahir	7
- Lawatan ke Jabatan Penerangan	
- Pegawai Baru Berkhidmat	8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
E-mail: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)  
Keluarannya setiap 3 kali seminggu (Isnin, Rabu dan Sabtu)



## Majlis Penyerahan Poster Hari Belia Kebangsaan sempena sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-5

Majlis Penyerahan Poster Hari Belia Kebangsaan sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-5 diadakan pada 24 Julai di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Di majlis tersebut Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyerahkan poster kepada tetamu kehormat diikuti penyerahan poster kepada wakil-wakil agensi kerajaan dan wakil persatuan-persatuan belia Negara Brunei Darussalam oleh Dato Paduka Awang Haji Jemat.

Poster sambutan Hari Belia Kebangsaan bertujuan untuk memberigakan Hari Belia



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyempurnakan penyerahan poster kepada tetamu kehormat, Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Kebangsaan disambut pada setiap 2 Ogos.

Acara-acara lain yang turut dimuatkan di dalam poster tersebut bagi memeriahkan lagi Hari Belia ialah Majlis Membaca Surah Ya Siin dan Bertahlil, Majlis Doa Kesyukuran, Solat Fardu Maghrib, Solat Sunat Hajat Berjemaah dan Larian Hari Belia pada 1 Ogos 2010.

Acara-acara lain yang turut diungkayahkan ialah Ekspo Keusahawanan Belia 2010 yang akan diadakan pada 2 hingga 3 Ogos bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkia dan Forum Belia Kebangsaan pada 3 Ogos bertempat di Dewan Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas dan di Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong pada 4 Ogos.

## Majlis Penyerahan Poster Majlis Ilmu 2010

Sebanyak 300 keping poster Majlis Ilmu 2010 telah diedar dan diserahkan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta persatuan-persatuan dan pertubuhan di negara ini bagi menyemarak dan mempromosikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 Tahun.

Pengagihan poster adalah antara tugas dan peranan Jabatan Penerangan di dalam menyebarkan maklumat kepada rakyat dan penduduk negara ini ke arah memberigakan dan meningkatkan imej kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri,



Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan.



Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni selaku tetamu kehormat menerima poster daripada Pengarah Penerangan.

Awang Haji Mahrub bin Haji Murni.

Majlis Penyerahan Poster Majlis Ilmu 2010 berlangsung di Bilik Persidangan Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan, Berakas pada 14 Julai.

Antara aktiviti Majlis Ilmu ialah Persidangan Pakar Melayu Ceramah

Perdana, Forum Perdana, Pameran Majlis Ilmu 2010, Program Ceramah Motivasi dan Forum Daerah-Daerah (Belait, Tutong dan Temburong).

Majlis Ilmu 2010 berlangsung bermula pada 26 Julai sehingga 1 Ogos 2010, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



## **Persembahan Pentarama sempena Hari Keputeraan**

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah menganjurkan Persembahan Pentarama sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-64 bagi tahun 2010 di keempat-empat daerah di negara ini.

Di Daerah Temburong, Persembahan Pentarama telah diadakan pada 17 Julai bertempat di Taman Perayaan Pekan Bangar. Tetamu kehormat pada malam itu ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Afero Eswandy bin Haji Mohammad. Juga hadir menyaksikan persembahan tersebut ialah Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta orang ramai di daerah itu.

Sementara di Daerah Brunei-Muara pula Persembahan Pentarama berlangsung di kawasan lapang berhadapan dengan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja pada malam 20 Julai dan tetamu kehormat pada malam itu ialah Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Jamain bin Haji Momin.

Bagi Daerah Belait, Pegawai Daerah Belait, Awang Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba telah menjadi tetamu kehormat



Antara yang hadir menyaksikan persembahan Pentarama di Daerah Brunei-Muara ialah Pegawai Daerah, Awang Jamain bin Haji Momin selaku tetamu kehormat dan Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan.

bagi persembahan Pentarama pada malam 25 Julai bertempat di Taman Persiaran, Sungai Belait. Juga hadir menyaksikan persembahan tersebut, delegasi program pertukaran Pegawai Penerangan Malaysia dan Thailand seramai 10 orang.

Sementara pada malam 28 Julai persembahan Pentarama bagi Daerah Tutong telah diadakan bertempat di kawasan Tamu dan Pasarneka Serambangun. Hadir menyaksikan persembahan itu selaku

tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Format persembahan pada tahun ini bercorak keagamaan dan kenegaraan dengan menyajikan persembahan lagu-lagu yang berunsur dakwah, tayangan klip video mengenai perkembangan Islam secara ringkas di Negara Brunei Darussalam dan nasyid, sketsa drama, lawak jenaka dan kuiz kenegaraan.

### **Pentarama di Daerah Belait**



Antara yang hadir menyaksikan persembahan Pentarama di Daerah Belait, Pegawai Daerah Belait, Awang Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba selaku tetamu kehormat dan Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan.



## Pentarama di Daerah Temburong



Antara yang hadir menyaksikan persembahan Pentarama di Daerah Temburong, tetamu kehormat Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Afero Eswandy bin Haji Mohammad dan Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan.



Antara persembahan berunsur keagamaan yang dipersembahkan kepada para pengunjung di Taman Perayaan Pekan Bangar, Daerah Temburong.

## Pentarama di Daerah Tutong



Tetamu kehormat Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu diiringi oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong ketika penyampaian cenderamata kepada pemenang kuiz Pentarama bagi Daerah Tutong.



Ceramah agama juga turut disampaikan oleh Ustaz Dr. Haji Ismuhadi Haji Abdullah, Penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah.



Lagu-lagu berunsur dakwah turut dipersembahkan kepada para pengunjung yang menyaksikan persembahan Pentarama di kawasan Tamu dan Pasarneka Serampang, Daerah Tutong.

## Penyerahan Pas Media Hari Keputeraan

Penyerahan Pas Akreditasi Media sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 Tahun telah diadakan pada 12 Julai, bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan.

Seramai 431 pemohon pas yang terdiri dari para pengamal media dan jurufoto yang mewakili agensi media, persatuan, kelab dan persendirian telah menghadiri taklimat yang diselenggarakan dengan penyerahan Pas Akreditasi Media.



## **Pegawai Penerangan Malaysia dan Thailand berkunjung ke Jabatan Penerangan**

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri menerima kunjungan serombongan pegawai-pegawai Malaysia dan Thailand yang menyertai program pertukaran di bawah Memorandum Persefahaman Bidang Penerangan pada 26 Julai.

Mengalu-alukan ketibaan rombongan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Semasa lawatan tersebut, para delegasi mendengar taklimat mengenai struktur, peranan dan fungsi Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Ketua Laporan Tahunan dan Tugas Khas, Awang Musa bin Mohiddin.

Para delegasi juga berpeluang beramah mesra bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan dan seterusnya melawat bahagian-bahagian di jabatan ini.

Antara atur cara lawatan kerja delegasi tersebut ialah menyaksikan persembahan Pentarama di Daerah Belait, menyaksikan Majlis Bersama Rakyat Daerah Brunei-Muara sempena Hari Keputeraan



Rombongan pegawai-pegawai Malaysia dan Thailand bergambar ramai bersama pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, lawatan ke Jabatan Percetakan Kerajaan, lawatan ke Majlis Perundingan Kampung Sungai Matan, lawatan ke Radio Televisyen Brunei dan lawatan ke Brunei Press Sdn. Bhd.

Tujuan lawatan para delegasi itu ialah untuk melihat dengan lebih dekat lagi serta mempelajari dan menimba pengalaman sambil bertukar-tukar pendapat dan berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai pentadbiran khususnya dalam bidang penerangan.

Selain itu, lawatan juga bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama pertukaran dalam bidang pendidikan dan latihan serta meningkatkan lagi hubungan antara ketiga-tiga buah negara khususnya di bidang penerangan.

Rombongan dari Malaysia diketuai oleh Timbalan Pengarah Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan Malaysia, Datin Mahizah Abd. Malik. Sementara rombongan dari Thailand diketuai oleh Pegawai Perhubungan Awam Kedaerahan, Choochock Thongtaluang.



Rombongan pegawai-pegawai Malaysia dan Thailand serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai semasa siri lawatan yang telah diaturkan.



## **Pegawai Penghubung Media (MRO) yang bertugas pada bulan Julai**

Para Pegawai Penyelaras Media (MRO) dari Jabatan Penerangan telah ditugaskan di majlis-majlis tertentu sepanjang bulan Julai, acara-acara tersebut ialah:

Tarikh	Acara
15 Julai	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Santap di Istana Nurul Iman.
22 Julai	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Bersama Rakyat Daerah Tutong.
25 Julai	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Bersama Rakyat Daerah Brunei dan Muara.
26 Julai	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Ilmu di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
27 Julai	-Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ke Majlis Ceramah Perdana Majlis Ilmu di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.  -Pengurniaan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
28 Julai	Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Majlis Forum Perdana Majlis Ilmu di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
29 Julai	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Sovereign Parade Sekolah Pegawai Kadet ABDB.
30 Julai	Majlis Santap Malam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

## **Pegawai Menghadiri Persidangan Antarabangsa Penterjemahan dan Kepelbagaian Budaya**


Dua orang pegawai dari Jabatan Penerangan telah menghadiri Persidangan Antarabangsa Penterjemahan dan Kepelbagaian Budaya, Universiti Malaya, Malaysia.

Persidangan ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Inggeris, Fakulti Sastera dan Sains Sosial dan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya dan juga Malaysian Association for Commonwealth Literature and Language Studies (MACLALS).

Persidangan tersebut berlangsung di Dataran Sastera dan Siswama 2,3,4 & 5 Universiti Malaya, Malaysia pada 23 hingga 25 Julai.

Mereka yang menghadiri persidangan tersebut ialah Dayang Hajah Apsah binti Haji Sahdan, Penterjemah Kanan, Bahagian Berita Inggeris dan Dayang Hajah Musmariyani binti Haji Muhammad, Penterjemah, Bahagian Pelita Brunei.

## **Selamat Hari Lahir**



Awang Haji Liman bin Haji Raim @ Rahim	- 1 Julai
Awang Azhar bin Ramli	- 5 Julai
Awang Muhd Khairulhadi bin Haji Muhd Muhtaddir	- 9 Julai
Dayang Haniza binti Abdul Latif	- 9 Julai
Dayangku Hajah Saidah binti Pengiran Haji Omaralli	- 10 Julai
Awang Haji Murni bin Haji Metali	- 12 Julai
Awang Dollah bin Kamis	- 12 Julai
Dayang Painah binti Paiman	- 14 Julai
Dayang Fa'ezah Hayati binti Haji Abd Rahman	- 15 Julai
Awang Haji Abd Mumin bin Haji Madin	- 19 Julai
Awang Yunos bin Haji Jumat	- 22 Julai
Awang Yahya bin Haji Jumat	- 27 Julai
Awang Kassim bin Haji Abd Rahman	- 31 Julai



## Lawatan Ke Jabatan Penerangan



Rombongan peserta bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan.

Seramai 35 orang peserta Kursus Induksi bagi pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 29 Julai. Rombongan diketuai oleh Awang Noor Hadi bin Haji Noor Kaseh, Pegawai Latihan Kanan, Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan.

Rombongan telah diberikan

taklimat mengenai Struktur Organisasi Jabatan dan Perkhidmatan Yang Ada di Jabatan Penerangan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Puan Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Objektif lawatan mereka adalah untuk mengetahui mengenai fungsi dan peranan Jabatan Penerangan dan tanggungjawab sebenar bidang tugas Perhubungan Awam.

Rombongan juga berpeluang beramah mesra dan mengadakan

sesi soal jawab bersama Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan pegawai-pegawai kanan. Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan telah berpeluang meninjau ke beberapa bahagian di jabatan ini untuk melihat secara lebih dekat gerak kerja para pegawai dan kakitangannya.

Antara bahagian-bahagian yang dikunjungi ialah Bahagian Berita Inggeris, Bahagian Pelita Brunei, Bahagian Fotografi & Audio Visual dan Perpustakaan Mini.



## Pegawai Baru Berkhidmat



Awang Muhammad Hamdanajib  
bin Haji Duming/Haji Domeng  
Jawatan: Pereka Tingkat III  
Tarikh mula berkhidmat: 1 Julai 2010



Awang Muhammad Ike Iqrami bin  
Haji Suhaimi  
Jawatan: Pereka Tingkat III  
Tarikh mula berkhidmat: 1 Julai 2010